

aks:237605  
el: 252473  
il: KEW.100-0/6/(51)  
arikh: 12 Julai 1999



KEMENTERIAN KEWANGAN  
Wisma Kewangan  
88593 Kota Kinabalu  
Sabah, Malaysia

Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Setiausaha Tetap

Semua Ketua Jabatan Negeri

## **SURAT PEKELILING BIL.4/99 PERKHIDMATAN GUNASAMA PERALATAN PANDANG-DENGAR**

### **1. TUJUAN**

- 1.1 Pekeling ini bertujuan untuk memaklumkan semua Kementerian dan Jabatan mengenai perwujudan perkhidmatan gunasama terhadap peralatan aplikasi/teknologi pandang-dengar.

### **2. PENDAHULUAN**

- 2.1 Peningkatan penggunaan teknologi peralatan pandang-dengar telah memudahkan dan berkesan dalam penyampaian maklumat menerusi aplikasi/teknologi pandang-dengar. Amalan ini lazimnya dipertunjukkan di dalam seminar-seminar, latihan-latihan dan taklimat-taklimat dengan menggunakan peralatan berdasarkan teknologi ini. Justeru itu, kebanyakan Kementerian/Jabatan telah kerajaan kini telah dibekalkan dengan perkakasan komputer dan ini merangsang keinginan untuk memperolehi alat tersebut.

- 2.2 Sejakar dengan dasar perbelanjaan berhemat, adalah sukar bagi setiap Kementerian/Jabatan untuk dibekalkan dengan alat pandang-dengar untuk kegunaan masing-masing. Oleh yang demikian, satu perkhidmatan gunasama peralatan pandang-dengar telah diwujudkan di bawah pengelolaan Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri untuk memudahkan pinjaman peralatan pandang-dengar untuk kegunaan rasmi untuk semua Kementerian dan Jabatan Kerajaan Negeri.

### **3. KADEAH**

Kementerian dan Jabatan Kerajaan Negeri yang hendak meminjam alat Pandang-dengar di bawah perkhidmatan gunasama ini, perlu memohon dengan melengkapkan borang *JPKN-AV* yang disediakan bersama pekeliling ini. Borang yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dihantar kepada:

Pengarah  
Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri  
Beg Berkunci 2057  
88999 KOTA KINABALU

atau melalui

E-Mel: [pengarah@jpkn.sabah.gov.my](mailto:pengarah@jpkn.sabah.gov.my)

### **4. RUJUKAN**

Untuk penjelasan lanjut, sila hubungi pegawai-pegawai Bahagian Latihan dan Penyelidikan, Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri:

- (a) Encik Joe Galasius  
No.telefon: 088-256133/088-256785 (talian terus)  
E-mel: [psm.lpo@jpkn.sabah.gov.my](mailto:psm.lpo@jpkn.sabah.gov.my)
- (b) Encik Disney E.Lai  
No.telefon: 088-256133  
E-mel: [psm.9.jpkn@sabah.gov.my](mailto:psm.9.jpkn@sabah.gov.my)

### **5. TARIKH KUATKUASA**

Tarikh kuatkuasa adalah mengikut surat pekeliling ini.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH."



**(DATUK S.ABDILLAH S.HASSAN, J.P.)**  
Setiausaha Tetap

s.k. KEW.100-4/4

*disertakan*

**ORANG PINJAMAN ALAT PANDANG-DENGAR**

(Perkhidmatan Gunasama Peralatan Pandang-Dengar)

hagian 1: Untuk diisi bila memohon

ementerian/Jabatan : \_\_\_\_\_

o. Telefon : \_\_\_\_\_ No Fax: \_\_\_\_\_

empoh Pinjaman dari: \_\_\_\_\_ hingga: \_\_\_\_\_

ujuan Pinjaman : \_\_\_\_\_

ama Pegawai yang Bertanggungjawab : \_\_\_\_\_ E.Mel: \_\_\_\_\_

hagian 11: Untuk diisi bila menerima

aya mengakui menerima perkakasan sepertimana yang disenaraikan di bawah dan bertanggungjawab ke atas keselamatan dan penjagaan rapi perkakasan tersebut:

Bil		Bil	
<input type="checkbox"/>	Multimedia Projector	<input type="checkbox"/>	Video splitter cable
<input type="checkbox"/>	Remote control	<input type="checkbox"/>	Power cable
<input type="checkbox"/>	Mouse Cable	<input type="checkbox"/>	Audio/Video Cable
<input type="checkbox"/>	VGA cable	<input type="checkbox"/>	

Tandatangan:

Nama Pegawai Penerima:

Tarikh :

E-Mel

**UNTUK KEGUNAAN JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI**

Dikeluarkan oleh :

Pengesahan dikembalikan:

Nama:

Tarikh:

Tandatangan:

Tarikh dipulangkan

Catatan:

Catatan: